

17/05/2005

Syed Razak-Kampung Buku

SEKOLAH PEMIKIRAN ANTARABANGSA DI KAMPUNG BUKU MALAYSIA

ALOR STAR, 17 Mei (Bernama) -- Kampung Buku Malaysia di Langkawi akan dibangunkan semula untuk dijadikan pusat ilmuan dan pusat pelancongan pendidikan dan akan dilengkapkan dengan Sekolah Pemikiran Antarabangsa Perdana (PERINTIS).

Menteri Besar Datuk Seri Syed Razak Syed zain berkata, kampung buku itu adalah antara beberapa projek Kedah Maju 2010 yang telah dikenal pasti untuk dibangunkan semula sepanjang tahun ini.

"Pihak pemaju akan menggunakan prasarana dan kemudahan yang sedia ada untuk membangunkan kampung buku itu dan dijangka hanya melibatkan kos RM6 juta," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat pembangunan negeri Pelan Tindakan Kedah Maju 2010 di sini, hari ini.

Katanya, sehingga Mac tahun ini sebanyak tujuh projek telah dilaksanakan di negeri ini melibatkan pelaburan sebanyak RM53.4 juta dan secara keseluruhannya sejumlah 277 projek telah dilaksanakan sepanjang tahun 2002 hingga 2004 melibatkan kos RM8.37 bilion.

"Walaupun keadaan kesihatan saya tidak berapa mengizinkan namun pelaburan dan pembangunan di negeri ini terus rancak dilaksanakan tanpa gangguan," katanya. Menteri Besar masih menggunakan kerusi roda ketika menghadiri mesyuarat itu.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif The Switch Sdn Bhd Lim Teck Hoe berkata kawasan kampung buku di Kampung Tok Senik akan dibangunkan sehingga mencapai tahap kampung buku antarabangsa dan seterusnya menjadi pusat pelancongan pendidikan antarabangsa yang terunggul dan terkemuka di dunia.

Selain itu, beliau berkata kampung buku itu juga akan dibangunkan sebagai pusat mesyuarat, insentif, persidangan dan pameran (MICE).

The Switch Sdn Bhd telah dipertanggungjawabkan untuk pembangunan semula kampung buku itu.

"PERINTIS akan menjadi sekolah pemikiran antarabangsa yang akan menarik kunjungan daripada tokoh-tokoh pemikiran, kepimpinan, sukan minda, sastera dan kesenian," katanya.

Katanya bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad bersetuju untuk menjadi penaung dan presiden kehormat PERINTIS dan sekolah itu kelak akan dianggotai beberapa pemikir dunia.

Kampung Buku Malaysia yang dirasmikan oleh DR Mahathir pada tahun 1998 merupakan satu daripada 25 kampung buku yang terdapat di dunia.

-- BERNAMA

MNH RHM